




UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Hospital  
Al-Sultan Abdullah



# GARIS PANDUAN PENUBUHAN LEMBAGA PERUBATAN

HOSPITAL AL-SULTAN ABDULLAH UiTM

# 2025

## KANDUNGAN

Bil.	Kandungan	Mukasurat
1	Latar belakang	1
2	Punca kuasa / kuasa menubuhkan Lembaga Perubatan	1
3	Tempoh lantikan	1
4	Keanggotaan dalam Lembaga Perubatan	2
5	Kategori penubuhan Lembaga Perubatan	2
6	Kriteria penubuhan Lembaga Perubatan	3
7	Dokumen yang diperlukan bagi penubuhan Lembaga Perubatan	4-5
8	Format laporan Lembaga Perubatan	5
9	Caj bayaran penubuhan Lembaga Perubatan	6
10	Persidangan Lembaga Perubatan	6
11	Penubuhan semula Lembaga Perubatan	7
12	Pembatalan penubuhan Lembaga Perubatan	7
13	Dokumen rujukan utama	7
14	Carta alir penubuhan lembaga perubatan	8
15	<p>Lampiran 1 (Borang permohonan dan laporan penubuhan Lembaga Perubatan)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. <b>Lampiran A</b> - Borang permohonan penubuhan Lembaga Perubatan (P.P. 10/1995)</li> <li>ii. <b>Lampiran B</b> - Laporan Lembaga Perubatan mengenai persaraan atas sebab kesihatan di bawah seksyen 10 (5) (A), Akta Pencen 1980 (Akta 227)</li> <li>iii. <b>Lampiran C</b> - Laporan Lembaga Perubatan (P.A. "F" 20) (Laporan perubatan tentang seorang pegawai dalam perkhidmatan kerajaan)</li> <li>iv. <b>Lampiran C1</b> - Laporan Lembaga Perubatan (Laporan perubatan tentang seorang pegawai di sektor swasta)</li> </ul>	<p>i - xii</p> <p>ii - iii</p> <p>iv - v</p> <p>vi - ix</p> <p>x - xii</p>

16	<p>Lampiran 2 (Surat menyurat penubuhan Lembaga Perubatan)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. <b>Lampiran A1</b> - Akuan penerimaan permohonan penubuhan Lembaga Perubatan</li> <li>ii. <b>Lampiran A2</b> - Permohonan maklumat tambahan bagi penubuhan Lembaga Perubatan</li> <li>iii. <b>Lampiran A5</b> - Pelantikan sebagai ahli persidangan Lembaga Perubatan</li> <li>iv. <b>Lampiran B1</b> - Pencalonan ahli-ahli Lembaga Perubatan</li> <li>v. <b>Lampiran B2</b> - Pencalonan semula ahli-ahli Lembaga Perubatan</li> <li>vi. <b>Lampiran B4</b> - Makluman persidangan Lembaga</li> <li>vii. <b>Lampiran B5</b> - Keputusan Lembaga Perubatan</li> <li>viii. <b>Lampiran B6</b> – Aku janji pengesahan tidak pernah merawat pesakit</li> <li>ix. <b>Lampiran B7</b> - Keputusan laporan Lembaga Perubatan tidak dapat dikeluarkan</li> </ul>	<p>xiii - xxvii</p> <p>xiv</p> <p>xv - xvi</p> <p>xvii - xviii</p> <p>xix - xxi</p> <p>xxii - xxiii</p> <p>xxiv</p> <p>xxv</p> <p>xxvi</p> <p>xxvii</p>
17	<p>Lampiran 3 (Laporan ringkas oleh ketua jabatan &amp; laporan kaunseling)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. <b>J1</b> - Laporan ringkas tahap kebolehan pegawai melaksanakan tugas</li> <li>ii. <b>J2</b> - Laporan ringkas tahap kebolehan pegawai melaksanakan tugas (psikiatri)</li> <li>iii. <b>J3</b> - Laporan kaunseling</li> </ul>	<p>xxviii - xxxi</p> <p>xxix</p> <p>xxx</p> <p>xxxi</p>

## 1.0 LATAR BELAKANG

- 1.1 Tadbir urus penubuhan Lembaga Perubatan di HASA telah diluluskan diperingkat mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Hospital (JPH) pada 2022 dan caj bayaran bagi penubuhan Lembaga Perubatan telah diluluskan oleh mesyuarat Majlis Pengurusan Hospital (MPH) pada Mei 2022.
- 1.2 Semakan semula tadbir urus Lembaga Perubatan ini dibuat bagi mengemaskini serta mewujudkan satu garis panduan yang lebih lengkap bagi penubuhan Lembaga Perubatan di HASA.
- 1.3 Selain daripada itu, ia juga akan menjadi sumber rujukan utama bagi sebarang permohonan menubuhkan Lembaga Perubatan di HASA.

## 2.0 PUNCA KUASA / KUASA MENUBUHKAN LEMBAGA PERUBATAN

- 2.1 Punca kuasa semakan semula tadbir urus dan kelulusan penubuhan Lembaga Perubatan di HASA telah diluluskan melalui keputusan minit mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Hospital bil. **06/2025**.
- 2.2 Pengarah HASA mempunyai kuasa untuk menubuhkan Lembaga Perubatan di HASA dan melantik mana-mana Pegawai Perubatan Pakar untuk menjadi ahli dalam Lembaga Perubatan yang ditubuhkan.
- 2.3 Pengarah HASA juga mempunyai kuasa untuk melantik pengerusi bagi menggantikan beliau sebagai pengerusi Lembaga Perubatan yang ditubuhkan.
- 2.4 Semua permohonan untuk menubuhkan Lembaga Perubatan di HASA mestilah dibuat melalui Jabatan Maklumat Pesakit selaku sekretariat Lembaga Perubatan di HASA.

## 3.0 TEMPOH LANTIKAN

Lantikan ahli Lembaga Perubatan adalah berdasarkan permohonan penubuhan dan dibubarkan setelah Lembaga selesai bersidang.

#### 4.0 KEANGGOTAAN DALAM LEMBAGA PERUBATAN

- 4.1 Ahli Lembaga Perubatan yang dilantik mestilah Pegawai Perubatan Pakar bergred 13 dan ke atas.
- 4.2 Lembaga Perubatan hendaklah dianggotai oleh tidak kurang daripada dua (2) orang Pegawai Perubatan Pakar yang mana salah seorang daripadanya hendaklah merupakan pakar dalam jenis penyakit atau kecederaan yang dialami oleh pegawai yang akan diperiksa.
- 4.3 Lembaga Perubatan hendaklah dipengerusikan oleh Pengarah HASA atau Timbalan Pengarah Hospital (Perubatan / Pembedahan/ Profesional & Operasi) atau Ketua Jabatan atau Pakar Klinikal.
- 4.4 Lembaga Perubatan yang ditubuhkan tidak boleh dipengerusikan atau dianggotai oleh mana-mana Pegawai Perubatan Pakar yang pernah merawat pegawai yang akan diperiksa.
- 4.5 Semua ahli Lembaga Perubatan yang dilantik perlu menandatangani Surat Akujanji yang mengesahkan bahawa beliau tidak pernah merawat / mengendalikan kes Pegawai yang akan diperiksa (**Lampiran B6**).

#### 5.0 KATEGORI PENUBUHAN LEMBAGA PERUBATAN DI HASA

- 5.1 Kategori penubuhan Lembaga Perubatan di HASA adalah seperti berikut:
  - i. Persaraan Atas Sebab-Sebab Kesihatan.
  - ii. Pemeriksaan Kesihatan.
  - iii. Penubuhan atas arahan Kementerian Kesihatan Malaysia bagi mendapatkan rawatan di luar negeri dimana pegawai atau keluarganya perlu diperiksa untuk mendapatkan rawatan di luar negeri kerana tiada rawatan sedemikian di negeri ini.
  - iv. Lain-lain keadaan dimana Lembaga Perubatan perlu ditubuhkan atas arahan seperti contoh bagi pembelian ubat / alat / perkhidmatan perubatan / rawatan.

## 6.0 KRITERIA PENUBUHAN LEMBAGA PERUBATAN DI HASA

- 6.1 Lembaga Perubatan akan ditubuhkan apabila terdapat permohonan daripada organisasi / jabatan terhadap pegawai yang menerima rawatan di HASA atas sebab-sebab seperti berikut:
- i. Apabila seseorang pegawai didapati tidak sihat setelah menghabiskan semua cuti-cuti sakit biasanya;
  - ii. Apabila seorang Pegawai Perubatan berpendapat bahawa tiada harapan untuk Pegawai tersebut menjadi sihat untuk bertugas;
  - iii. Apabila pada tiap-tiap tahun dalam masa tiga (3) tahun yang berturut-turut pegawai itu telah bercuti sakit sebanyak 45 hari atau lebih;
  - iv. Apabila kesiuman otak atau kesihatan badan pegawai diragui;
  - v. Apabila pegawai telah tercedera/ mengalami penyakit khidmat semasa bertugas;
  - vi. Apabila pegawai disahkan menghidap penyakit tibi, kusta atau barah;
  - vii. Apabila pegawai atau keluarganya perlu diperiksa untuk mendapatkan rawatan di luar negeri kerana tiada rawatan sedemikian di negeri ini;
  - viii. Lain-lain keadaan dimana Lembaga Perubatan perlu ditubuhkan atas arahan bagi urusan pembelian ubat / alat / perkhidmatan perubatan / rawatan / cuti lanjutan.
- 6.2 Permohonan untuk menubuhkan Lembaga Perubatan bagi pegawai yang tidak pernah menerima rawatan di HASA hanya boleh dipertimbangkan dengan syarat pegawai berkenaan terlebih dahulu menjalani sekurang-kurangnya tiga (3) sesi konsultasi atau rawatan di HASA.

## 7.0 DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

### 7.1 Kemungkinan persaraan atas sebab-sebab kesihatan

- i. Surat permohonan penubuhan Lembaga Perubatan mengikut format **Lampiran "A" (P.P. 10/1995)**
- ii. Laporan Perubatan terkini (rawatan terakhir)
- iii. Senarai tugas pegawai
- iv. Laporan ringkas tahap kebolehan pegawai melaksanakan tugas oleh ketua jabatan (**J1**) atau (**J2**)
- v. Kenyataan cuti sakit untuk 3 tahun berturut-turut dan salinan cuti sakit pegawai yang disahkan oleh jabatan berkenaan (jika perlu)
- vi. Laporan Kaunseling (jika Perlu) (**J3**)
- vii. Caj Bayaran

### 7.2 Pemeriksaan kesihatan

- i. Surat permohonan penubuhan Lembaga Perubatan mengikut format **Lampiran "A" (P.P. 10/1995)**
- ii. Laporan Perubatan terkini (rawatan terakhir)
- iii. Senarai tugas pegawai
- iv. Laporan ringkas tahap kebolehan pegawai melaksanakan tugas oleh ketua jabatan (**J1**) atau (**J2**)
- v. Kenyataan cuti sakit untuk 3 tahun berturut-turut dan salinan cuti sakit pegawai yang disahkan oleh jabatan berkenaan
- vi. Laporan Kaunseling (jika Perlu) (**J3**)
- vii. Caj Bayaran

### 7.3 Atas arahan Kementerian Kesihatan Malaysia

- i. Rujuk Pekeliling Perkhidmatan Bil 21 Tahun 2009: Borang Perubatan 3/09: Permohonan Perbelanjaan Kemudahan Perubatan
- ii. Surat arahan penubuhan Lembaga Perubatan
- iii. Laporan Perubatan terkini
- iv. Senarai tugas pegawai (jika perlu)
- v. Laporan ringkas tahap kebolehan pegawai melaksanakan tugas oleh ketua jabatan (**J1**) atau (**J2**)
- vi. Kenyataan cuti sakit pegawai (jika perlu)
- vii. Caj Bayaran

## 8.0 FORMAT LAPORAN LEMBAGA PERUBATAN

8.1 Laporan Lembaga Perubatan hendaklah dibuat menggunakan format seperti berikut:

- i. Tujuan Persaraan
  - **Lampiran “B” P.P 10/1995.** (Laporan Lembaga Perubatan Mengenai Persaraan Atas Sebab Kesihatan Di Bawah Seksyen 10(5) (a), Akta Pencen 1980 (Akta 227).
- ii. Tujuan pemeriksaan kesihatan
  - **Lampiran “C”** (Laporan Lembaga Perubatan P.A. “F” 20) Laporan Perubatan Tentang Seorang Pegawai Dalam Perkhidmatan Kerajaan.
  - **Lampiran “C1”-** Laporan Lembaga Perubatan Tentang Seorang Pegawai di Sektor Swasta.
- iii. Atas arahan Kementerian Kesihatan Malaysia
  - Mengikut format yang telah ditetapkan.

- 8.2 Laporan Lembaga Perubatan hendaklah disediakan dalam tiga (3) salinan asal iaitu dua (2) salinan asal akan dihantar kepada pemohon dan satu (1) salinan asal untuk simpanan di Jabatan Maklumat Pesakit.
- 8.3 Laporan Lembaga Perubatan hendaklah dikemukakan kepada pemohon dalam tempoh **6 minggu (30 hari bekerja)** daripada tarikh permohonan lengkap yang diterima oleh Jabatan Maklumat Pesakit. Tarikh permohonan lengkap dikira daripada tarikh dokumen lengkap diterima dan bayaran telah dilaksanakan oleh pemohon.

## 9.0 CAJ BAYARAN PENUBUHAN LEMBAGA PERUBATAN

- 9.1 Berdasarkan kelulusan Mesyuarat Majlis Pengurusan Hospital (MPH) bil. 2/2022, caj bayaran penubuhan Lembaga Perubatan di HASA adalah seperti berikut:
- i. Caj Penubuhan Lembaga Perubatan di HASA bagi permohonan dari agensi kerajaan dan badan berkanun adalah sebanyak **RM200.00**.
  - ii. Caj Penubuhan Lembaga Perubatan di HASA bagi permohonan dari agensi swasta dan GLC adalah sebanyak **RM1000.00**.
  - iii. Caj penubuhan Lembaga Perubatan di HASA bagi penubuhan Lembaga Perubatan ke atas penjarum KWSP yang dimohon oleh KWSP adalah sebanyak **RM200.00**.

## 10.0 PERSIDANGAN LEMBAGA PERUBATAN

- 10.1 Pesakit perlu hadir semasa persidangan. Walaubagaimanapun, bagi kes-kes tertentu, Pengerusi Lembaga Perubatan boleh mengecualikan pesakit untuk hadir.
- 10.2 Majikan perlu hadir semasa Lembaga Perubatan bersidang. Sekiranya majikan menghantar wakil untuk hadir, wakil majikan mestilah seorang yang boleh membuat keputusan bagi pihak majikan.
- 10.3 Sekiranya maklumat tambahan diperlukan, ahli Lembaga Perubatan boleh mendapatkan maklumat ini daripada:
- i. Pegawai Perubatan yang pernah merawat pesakit
  - ii. Majikan atau wakil yang boleh memberi maklumat bagi pihak Jabatan.
  - iii. Ahli keluarga/ waris terdekat
  - iv. Pegawai Perubatan Swasta (kos bayaran ditanggung oleh pemohon)

## **11.0 PENUBUHAN SEMULA LEMBAGA PERUBATAN**

11.1 Lembaga Perubatan akan bersidang semula apabila:

- i. Ahli panel menangguhkan keputusan atas status kesihatan pesakit.
- ii. Pesakit tidak hadir dengan sebab.

11.2 Bagi penubuhan semula Lembaga Perubatan, ahli Lembaga Perubatan yang sama hendaklah dilantik dengan syarat penubuhan semula ini adalah bagi kes atau penyakit yang sama.


## **12.0 PEMBATALAN PENUBUHAN LEMBAGA PERUBATAN**

Lembaga Perubatan akan dibatalkan sekiranya pesakit tidak hadir tanpa sebab ataupun pesakit meninggal dunia.

## **13.0 DOKUMEN RUJUKAN UTAMA**

- i. Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil 18/2010, Garispanduan Penubuhan Lembaga Perubatan di Jabatan Kesihatan Negeri, Institusi Perubatan dan Hospital-Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia
- ii. Akta Pencen 1980 (Akta 227), Seksyen 10(5)(a) Persaraan Atas Sebab Kesihatan
- iii. Perintah Am Bab F (III) – Lembaga Perubatan
- iv. Perintah Am Bab F(i) – Rawatan Perubatan Untuk Pegawai-pegawai
- v. Perintah Am Bab C (Perenggan 18, 22 (a), 28)
- vi. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10, Tahun 1995 - Prosedur membesarkan pegawai atas sebab kesihatan
- vii. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 23 Tahun 2007- Persaraan Demi Kepentingan Perkhidmatan Awam

### 14.0 CARTA ALIR PENUBUHAN LEMBAGA PERUBATAN (LP)



Terima permohonan penubuhan LP daripada majikan mengikut format **Lampiran A** (P.P.10/1995)

Daftar permohonan di dalam buku daftar Permohonan Lembaga Perubatan

Semak dokumen permohonan mengikut kategori penubuhan LP dan dokumen yang diperlukan. Sekiranya tidak lengkap, hantar permohonan mendapatkan maklumat tambahan (**Lampiran A2**)

Pastikan pembayaran telah dibuat oleh pemohon

Bagi permohonan yang lengkap, hantar surat akuan penerimaan kepada pemohon (**Lampiran A1**)

Permohonan dimajukan ke Pengarah bagi pencalonan ahli (**Lampiran B1**) dan pengarah mengemukakan pencalonan ahli LP

Sekiranya doktor yang dicalonkan tidak bersetuju dengan lantikan sebagai ahli / tidak memenuhi kelayakan, Pencalonan semula ahli LP hendaklah dibuat (**Lampiran B2**)

Keluarkan surat lantikan pengerusi & ahli LP dan tarikh persidangan (**Lampiran A5**)

Kemukakan surat panggilan persidangan LP kepada pemohon (**Lampiran B4**)

Ahli yang dilantik menandatangani akujanji pengesahan tidak pernah merawat pesakit (**Lampiran B6**)

Sediakan tiga (3) salinan asal Laporan LP

Kemukakan dua (2) keputusan persidangan LP kepada pemohon (**Lampiran B5**). Keputusan Laporan LP yang tidak dapat dikeluarkan perlu menggunakan **Lampiran B7**

Satu salinan asal Laporan LP disimpan di Jabatan Maklumat Pesakit

# LAMPIRAN 1

(Borang permohonan dan laporan penubuhan Lembaga Perubatan)

‘Lampiran A’

P.P. 10/1995

Rujukan Kami :

Tarikh :

Pengarah  
Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM

Dato’/ Prof./ Prof Madya/ Dr./ Tuan/ Puan,

**PERMOHONAN PENUBUHAN LEMBAGA PERUBATAN UNTUK MEMERIKSA KESIHATAN PEGAWAI KERAJAAN BERHUBUNG DENGAN KEMUNGKINAN PERSARAAN ATAS SEBAB KESIHATAN DI BAWAH SEKSYEN 10(5) (a), AKTA PENCEN 1980 (AKTA 227).**

Saya diarah merujuk kepada perkara yang tersebut di atas dan seterusnya memohon supaya ditubuhkan sebuah Lembaga Perubatan untuk memeriksa kesihatan pegawai yang butir-butirnya diberi di bawah ini bagi maksud memberi pendapat sama ada pegawai tersebut berupaya menjalankan kewajipan- kewajipan jawatannya disebabkan oleh kelemahan akal atau tubuh yang mungkin menjadi kekal.

2. Butir-butir pegawai yang akan dihadapkan ke Lembaga Perubatan yang dipohon penubuhannya ini adalah seperti berikut:

- a) Nama : .....
- b) Nombor Kad Pengenalan : .....
- c) Perkhidmatan : .....
- d) Gred dan Tangga Gaji : .....

3. Bersama-sama ini dikemukakan satu salinan dokumen-dokumen yang berikut untuk pertimbangan Lembaga Perubatan:

- a) Laporan dari Pegawai Perubatan yang telah merawat pegawai berkenaan
- b) Senarai tugas pegawai yang berkenaan
- c) Maklumat tambahan untuk pertimbangan Lembaga Perubatan (jika ada)

4. Lembaga Perubatan yang ditubuhkan hendaklah dianggotai oleh tidak kurang daripada dua orang Pegawai Perubatan Pakar yang mana salah seorang daripadanya hendaklah merupakan pakar perubatan dalam jenis penyakit atau kecederaan yang dialami oleh pegawai yang akan diperiksa. Lembaga Perubatan ini tidak boleh dianggotai oleh mana-mana Pegawai Perubatan Pakar yang pernah merawat pegawai yang berkenaan.

5. Kerjasama Dato'/Prof./Prof Madya/Dr./Tuan/Puan, dipohon supaya laporan Lembaga Perubatan dikemukakan kepada Kementerian / Jabatan ini dalam borang **Lampiran "B"** dalam tempoh 6 minggu dari tarikh permohonan lengkap.

Sekian, atas kerjasama tuan dalam hal ini diucapkan terima kasih.

Tandatangan Pegawai : .....

Nama Pegawai : .....

Jawatan Pegawai : .....

Kementerian / Jabatan : .....

'Lampiran B'

**LAPORAN LEMBAGA PERUBATAN MENGENAI PERSARAAN ATAS SEBAB KESIHATAN  
DI BAWAH SEKSYEN 10 (5) (a), AKTA PENCEN 1980 (AKTA 227)**

Nama Pegawai Yang Diperiksa :  
 Nombor Kad Pengenalan :  
 Perkhidmatan :  
 Gred dan Tangga Gaji :  
 Tarikh Lahir :

1. Lembaga Perubatan telah menjalankan pemeriksaan ke atas pegawai tersebut dan berikut adalah laporan Lembaga Perubatan atas beliau:

(a) Lembaga Perubatan telah ditubuhkan oleh **Pengarah Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM** pada .....\*. Salinan surat penubuhan Lembaga Perubatan dilampirkan. Anggota-anggota Lembaga Perubatan adalah seperti berikut:

- (i) Nama Pegawai Perubatan :  
 Jawatan :  
 Kepakaran dalam bidang perubatan :
- (ii) Nama Pegawai Perubatan :  
 Jawatan :  
 Kepakaran dalam bidang perubatan :
- (iii) Nama Pegawai Perubatan :  
 Jawatan :  
 Kepakaran dalam bidang perubatan :

(b) Lembaga Perubatan telah memeriksa pegawai ini pada .....\*  
 di .....\*\*

2. Lembaga Perubatan mengesahkan bahawa pegawai ini adalah:

[ ] Dalam kesihatan baik, atau sedang pulih dari .....@, dan akan berupaya menjalankan kewajipan-kewajipan jawatannya berdasarkan senarai tugas beliau.

**[atau]**

[ ] Mengidap .....@ dan kelemahan akal/ tubuh beliau akan menjadi kekal serta menyebabkan beliau tidak berupaya menjalankan kewajipan-kewajipan jawatannya berdasarkan senarai tugas beliau.

Tandatangan anggota-anggota Lembaga Perubatan:

(1) Tandatangan :

Nama Penuh :

Cop Rasmi :

(2) Tandatangan :

Nama Penuh :

Cop Rasmi :

(3) Tandatangan :

Nama Penuh :

Cop Rasmi :

**Tarikh:**

---

\* : Tarikh

\*\* : Tempat

@ : Nyatakan jenis penyakit atau kecederaan



## LAPORAN LEMBAGA PERUBATAN (P.A. "F" 20)

### LAPORAN PERUBATAN TENTANG SEORANG PEGAWAI DALAM PERKHIDMATAN KERAJAAN

Nama Pegawai : .....

Nombor Kad Pengenalan : .....

Jabatan : .....

Jawatan : .....

Tarikh Lahir : .....

Hospital : .....

Tarikh : .....

Kami, pegawai-pegawai perubatan pakar yang berikut yang ditubuhkan sebagai sebuah Lembaga Perubatan atas permintaan Ketua Jabatan / Ketua Perkhidmatan untuk memeriksa pegawai yang tersebut di atas melaporkan yang berikut:

#### 1. Sebab pemeriksaan dilakukan.

Pegawai ini dikehendaki untuk diperiksa kesihatannya kerana:

- a)  \*Ia tiada mempunyai apa-apa cuti sakit lagi.
- b)  \*Seorang pegawai perubatan telah memperakukan sedemikian.
- c)  \*Ia telah mengambil cuti sakit sebanyak 45 hari atau lebih bagi tiap-tiap tahun selama 3 tahun yang berturut-turut.
- d)  \*Kesihatan badan / \*kesiuman otaknya diragukan.
- e)  \*Sambungan cuti sakit untuknya telah disyorkan atas sebab-sebab kecederaan yang dialami semasa bertugas.



**4. Pendapat.**

Kami berpendapat bahawa penyakit atau kecederaan pegawai ini:

- a) \*Akan \_\_\_\_\_ Menjadi kekal.  
 Tidak akan \_\_\_\_\_
  
- b) \*Akan \_\_\_\_\_ Menyebabkan tidak layak untuk menjalankan tugasnya sebagai:  
 Tidak akan .....  
 .....  
 (sebutkan tugas biasanya)
  
- c) \*Akan \_\_\_\_\_ Menyebabkannya tidak layak untuk menjalankan apa-apa tugas  
 Tidak akan \_\_\_\_\_ lain.

**5. Syor.**

- Kami menyesyorkan dia dianggap sebagai tidak sihat buat selama-lamanya / \*tidak sihat buat sementara / \*sihat untuk bertugas semula.
  
- \* Dia dianggap sebagai sihat untuk perkhidmatan selanjutnya, tetapi atas sebab-sebab kesihatan, dia patut diberi cuti seberapa awal yang boleh sebanyak ..... minggu.

**6. Syor / Pandangan Tambahan Lembaga Perubatan.**

[Sebutkan disini apa-apa syor atau pandangan tambahan Lembaga Perubatan]

.....  
 .....  
 .....  
 .....

Tandatangan anggota-anggota Lembaga Perubatan:

(1) Tandatangan :  
Nama Penuh :  
Jawatan :  
Kepakaran :  
Cop Rasmi :

(2) Tandatangan :  
Nama Penuh :  
Jawatan :  
Kepakaran :  
Cop Rasmi :

(3) Tandatangan :  
Nama Penuh :  
Jawatan :  
Kepakaran :  
Cop Rasmi :

**Tarikh:**

---

*\* POTONG MANA YANG TIDAK BERKENAAN*



**LAPORAN LEMBAGA PERUBATAN  
LAPORAN PERUBATAN TENTANG SEORANG PEGAWAI DI SEKTOR SWASTA**

Nama Pegawai : .....

Nombor Kad Pengenalan : .....

Jabatan : .....

Jawatan : .....

Tarikh Lahir : .....

Hospital : .....

Tarikh : .....

1. Kami, pegawai-pegawai perubatan pakar yang berikut yang ditubuhkan sebagai sebuah Lembaga Perubatan atas permintaan Agensi\*/ Majikan\* melalui rujukan surat ..... bertarikh ..... untuk memeriksa pegawai yang tersebut diatas.

i. Nama Pegawai Perubatan :  
Jawatan :  
Kepakaran dalam bidang perubatan :

ii. Nama Pegawai Perubatan :  
Jawatan :  
Kepakaran dalam bidang perubatan :

iii. Nama Pegawai Perubatan :  
Jawatan :  
Kepakaran dalam bidang perubatan :



5. **Syor**

Kami mengesyorkan dia dianggap sebagai tidak sihat buat selama-lamanya / \*tidak sihat buat sementara / \*sihat untuk bertugas semula

Dia dianggap sebagai sihat untuk perkhidmatan selanjutnya, tetapi atas sebab-sebab kesihatan, dia patut diberi cuti seberapa awal yang boleh sebanyak ..... minggu

6. **Syor / Pandangan Tambahan Lembaga Perubatan**

[sebutkan disini apa-apa syor atau pandangan tambahan Lembaga Perubatan].

.....

.....

.....

.....

1) *Tandatangan Pegawai Perubatan* :  
*Nama Penuh* :  
*Jawatan* :  
*Tarikh* :

2) *Tandatangan Pegawai Perubatan* :  
*Nama Penuh* :  
*Jawatan* :  
*Tarikh* :

3) *Tandatangan Pegawai Perubatan* :  
*Nama Penuh* :  
*Jawatan* :  
*Tarikh* :

**Tarikh:**

---

\* POTONG MANA YANG TIDAK BERKENAAN

# LAMPIRAN 2

(Surat menyurat penubuhan Lembaga Perubatan)

**'Lampiran A1'**

Ruj. Tuan :  
Ruj. Kami :  
Tarikh :

Alamat Majikan

ملاسلما مكيلء ملائمة محرو متاكر بو dan Salam Sejahtera

Tuan/Puan,

**AKUAN PENERIMAAN PERMOHONAN PENUBUHAN LEMBAGA PERUBATAN**

**NAMA PEGAWAI** :  
**NO. K/P** :  
**JAWATAN** :

Adalah dengan hormatnya merujuk kepada surat tuan/puan bertarikh ..... mengenai permohonan penubuhan Lembaga Perubatan bagi ..... adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan permohonan tuan/puan telah didaftarkan dan tindakan seterusnya sedang diambil. Tarikh, masa dan tempat persidangan Lembaga Perubatan akan dimaklumkan kemudian. Tempoh siap bagi laporan Lembaga Perubatan adalah dalam tempoh 6 minggu dari tarikh permohonan lengkap.

3. Sebarang pertanyaan mengenai permohonan tuan/puan, sila hubungi Jabatan Maklumat Pesakit Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM di talian 03-33963000 ext. 14802.

Sekian, terima kasih.

اوسها، تقوى، مليا

**“MALAYSIA MADANI”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

Pengarah  
Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM

Hospital Al-Sultan Abdullah (HASA)  
Universiti Teknologi MARA  
42300 Bandar Puncak Alam, Selangor  
MALAYSIA  
Tel: (+603) 3396 3000/3001/3002





UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Hospital  
Al-Sultan Abdullah

### 'Lampiran A2'

Alamat Majikan

ملاسلا مكيلء ملاآتمحرو تناكربو dan Salam Sejahtera

Tuan/Puan,

#### PERMOHONAN MAKLUMAT TAMBAHAN BAGI PENUBUHAN LEMBAGA PERUBATAN

**NAMA PEGAWAI** :  
**NO. K/P** :  
**JAWATAN** :

Adalah dengan hormatnya merujuk kepada surat tuan/puan bertarikh ..... mengenai permohonan penubuhan Lembaga Perubatan bagi ..... adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa permohonan tuan/puan adalah tidak lengkap. Bagi memudahkan pihak kami menubuhkan Lembaga Perubatan bagi penama di atas, sila kemukakan perkara-perkara yang bertanda ( ✓ ) seperti berikut :

- Laporan perubatan terkini
- Senarai tugas pegawai (pesakit)
- Laporan ringkas tahap penilaian kebolehan melaksanakan tugas (J1 / J2)
- Kenyataan cuti sakit tiga tahun berturut-turut (3 tahun ke belakang)
- Kenyataan cuti sakit tahun semasa
- Bayaran sebanyak .....

Hospital Al-Sultan Abdullah (HASA)  
Universiti Teknologi MARA  
42300 Bandar Puncak Alam, Selangor  
MALAYSIA  
Tel: (+603) 3396 3000/3001/3002



3. Kaedah pembayaran adalah seperti berikut:

i. Secara pindahan bank / tunai

Nama penerima : Bendahari Universiti Teknologi Mara

Nombor akaun : 12168010039722

Bank : Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)

ii. Melalui cek atas nama: **BENDAHARI UiTM**

4. Permohonan Penubuhan Lembaga Perubatan penama di atas akan hanya diproses sebaik sahaja dokumen-dokumen yang ditanda di atas diterima oleh pihak kami. Sebarang pertanyaan lanjut berkenaan perkara ini, sila hubungi Jabatan Maklumat Pesakit Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM di talian 03-33963480.

Sekian, terima kasih.

اوسها، تقوى، مليا

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

Pengarah

Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Hospital  
Al-Sultan Abdullah

### 'Lampiran A5'

Rujukan Kami :  
Tarikh :

Pengerusi / Panel 1 / Panel 2

ملاسلما مكيلء ملائمة محرو متاكر بو dan Salam Sejahtera

YBhg. Dato'/ Prof./ Prof Madya/ Dr.,

#### PELANTIKAN SEBAGAI Pengerusi / PANEL 1 / PANEL 2 PERSIDANGAN LEMBAGA PERUBATAN

**NAMA PEGAWAI** :  
**NO. K/P** :  
**MRN** :  
**JAWATAN** :

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan pihak Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM (HASA) telah menerima satu permohonan penubuhan Lembaga Perubatan bertarikh ..... bagi tujuan ..... yang dimohon oleh .....

3. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak HASA telah melantik YBhg. Dato'/ Prof./ Prof Madya/ Dr. sebagai Pengerusi/ Panel 1/ Panel 2 Lembaga Perubatan bagi penama di atas. Ahli Lembaga Perubatan yang dilantik adalah seperti berikut:

Pengerusi :  
Panel 1 :  
Panel 2 :

Hospital Al-Sultan Abdullah (HASA)  
Universiti Teknologi MARA  
42300 Bandar Puncak Alam, Selangor  
MALAYSIA  
Tel: (+603) 3396 3000/3001/3002



4. Persidangan Lembaga Perubatan ini akan dijalankan pada:

Tarikh :  
Masa :  
Tempat :

Sekian, terima kasih.

اوسها، تقوى، مليا

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

Pengarah  
Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM



**'Lampiran B1'**

Ruj. Kami :  
Tarikh :

Pengarah  
Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM

ملاسلأ مكلاء ملأآة محرو متأكرو dan Salam Sejahtera

YBhg. Dato'/ Prof./ Prof Madya/ Dr.,

**PENCALONAN AHLI-AHLI LEMBAGA PERUBATAN**

**NAMA PESAKIT** :  
**NO. K/P** :  
**MRN** :  
**JAWATAN** :  
**PENYAKIT** :

Perkara di atas dengan segala hormatnya adalah dirujuk.

2. Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM telah menerima satu permohonan penubuhan Lembaga Perubatan bertarikh ..... daripada..... Untuk menubuhkan Lembaga Perubatan bagi tujuan .....

Hospital Al-Sultan Abdullah (HASA)  
Universiti Teknologi MARA  
42300 Bandar Puncak Alam, Selangor  
MALAYSIA  
Tel: (+603) 3396 3000/3001/3002



3. Dimajukan permohonan ini bagi pencalonan pengerusi dan dua ahli Lembaga Perubatan ke atas penama seperti di atas. Keanggotaan Lembaga Perubatan ini tidak boleh melibatkan mana-mana pakar perubatan yang pernah merawat pegawai berkenaan, dan salah seorang daripada ahli hendaklah merupakan pakar dalam bidang penyakit atau kecederaan yang dialami oleh pegawai yang diperiksa.

4. Mohon kerjasama YBhg. Dato'/ Prof./ Prof Madya/ Dr. untuk melengkapkan bahagian II di lampiran yang dikepilkan dan dikemukakan ke Jabatan Maklumat Pesakit untuk tindakan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

اوسها، تقوى، مليا

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

Sekretariat Lembaga Perubatan  
Jabatan Maklumat Pesakit  
Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM

**LAMPIRAN****BAHAGIAN I**

Senarai Doktor yang pernah merawat pesakit adalah seperti berikut:  
(maklumat diisi oleh Jabatan Maklumat Pesakit)

<b>Bil.</b>	<b>Nama</b>	<b>Disiplin</b>

**BAHAGIAN II**

Pencalonan ahli-ahli Lembaga Perubatan

<b>Lantikan</b>	<b>Nama Pakar Perubatan</b>	<b>Jawatan</b>	<b>Kepakaran dalam bidang</b>
Pengerusi			
Panel 1			
Panel 2			

Sekian, terima kasih.

اوسها، تقوى، مليا

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

Pengarah  
Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM



Hospital  
Al-Sultan Abdullah

### 'Lampiran B2'

Ruj. Kami :  
Tarikh :  
:

Sekretariat Lembaga Perubatan  
Jabatan Maklumat Pesakit  
Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM

Tuan/Puan,

### PENCALONAN SEMULA AHLI-AHLI LEMBAGA PERUBATAN

**NAMA PEGAWAI** :

**NO. K/P** :

**JAWATAN** :

Perkara di atas dengan segala hormatnya adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa kami telah mencalonkan semula nama-nama berikut sebagai ahli Lembaga Perubatan bagi penama di atas.

2.1 Nama Pengerusi :  
Jawatan :

2.2 Nama Pegawai Perubatan :  
Jawatan :  
Kepakaran dalam bidang :

2.3 Nama Pegawai Perubatan :  
Jawatan :  
Kepakaran dalam bidang :

Hospital Al-Sultan Abdullah (HASA)  
Universiti Teknologi MARA  
42300 Bandar Puncak Alam, Selangor  
MALAYSIA  
Tel: (+603) 3396 3000/3001/3002



3. Persidangan Lembaga Perubatan dicadangkan pada:
  - 3.1 Tarikh :
  - 3.2 Masa :
  - 3.3 Tempat :

Sekian, terima kasih.

اوسها، تقوى، مليا

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

Pengarah  
Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM



Ruj. Tuan :  
Ruj. Kami :  
Tarikh :

Alamat Majikan

YBhg. Datuk/ Dato'/Datin/Tuan/Puan,

### MAKLUMAN PERSIDANGAN LEMBAGA PERUBATAN

**NAMA PEGAWAI** :  
**NO. K/P** :  
**JAWATAN** :

Perkara di atas dengan segala hormatnya adalah dirujuk.

2. Persidangan Lembaga Perubatan ke atas penama di atas telah ditetapkan pada tarikh seperti berikut:

**Tarikh** :  
**Masa** :  
**Tempat** :

3. Pihak YBhg. Datuk/ Dato'/Datin/Tuan/Puan adalah dikehendaki untuk memaklumkan kepada senarai berikut untuk hadir pada tarikh, masa dan tempat yang telah ditetapkan.

- I. Pesakit
- II. Waris pesakit
- III. Majikan atau wakil majikan yang boleh membuat keputusan bagi pihak jabatan

Sekian, terima kasih.

اوسها، تقوى، مليا

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

Pengarah  
Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM

Hospital Al-Sultan Abdullah (HASA)  
Universiti Teknologi MARA  
42300 Bandar Puncak Alam, Selangor  
MALAYSIA  
Tel: (+603) 3396 3000/3001/3002





Hospital  
Al-Sultan Abdullah

### Lampiran B5

Ruj. Tuan :  
Ruj. Kami :  
Tarikh :

Alamat Majikan

YBhg. Datuk/ Dato'/Datin/Tuan/Puan,

#### KEPUTUSAN LEMBAGA PERUBATAN

**NAMA PEGAWAI** :  
**NO. K/P** :  
**JAWATAN** :

Perkara di atas dengan segala hormatnya adalah dirujuk.

2. Bersama- sama ini, dikemukakan dua Salinan keputusan Lembaga Perubatan bagi penama di atas untuk perhatian dan tindakan YBhg. Datuk/ Dato'/Datin/Tuan/Puan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

اوسها، تقوى، مليا

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

Pengarah  
Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM

Hospital Al-Sultan Abdullah (HASA)  
Universiti Teknologi MARA  
42300 Bandar Puncak Alam, Selangor  
MALAYSIA  
Tel: (+603) 3396 3000/3001/3002





**(AKU JANJI)**

**PENGESAHAN PENCALONAN AHLI LEMBAGA PERUBATAN**

Adalah dengan ini, saya,

**NAMA** :

**NO. K/P** :

Mengesahkan bahawa saya tidak pernah merawat / mengendalikan kes pesakit berikut:

**NAMA PESAKIT** :

**NO. K/P** :

**MRN** :

**JAWATAN** :

Sekian, terima kasih.

**Panel 1 / Panel 2**

**Pengerusi Lembaga Perubatan**

.....  
Nama :

Jawatan :

No. MMC :

Jabatan :

Tarikh :

.....  
Nama :

Jawatan :

No. MMC :

Jabatan :

Tarikh :

**Lampiran B7**

Ruj. Tuan :  
Ruj. Kami :  
Tarikh :

Alamat Majikan

YBhg. Datuk/ Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**KEPUTUSAN LAPORAN LEMBAGA PERUBATAN TIDAK DAPAT DIKELUARKAN**

**NAMA PEGAWAI** :  
**NO. K/P** :  
**JAWATAN** :

Perkara di atas dengan segala hormatnya adalah dirujuk.

2. Dukacita dimaklumkan bahawa laporan keputusan Persidangan Lembaga Perubatan tidak dapat disediakan pada masa ini kerana :

- Pesakit tidak hadir
- Pesakit memerlukan rawatan lanjut
- Persidangan Lembaga Perubatan dibatalkan atas permintaan majikan
- Pesakit meninggal dunia

Sekian, terima kasih.

اوسها، تقوى، مليا

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

Pengarah  
Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM

Hospital Al-Sultan Abdullah (HASA)  
Universiti Teknologi MARA  
42300 Bandar Puncak Alam, Selangor  
MALAYSIA  
Tel: (+603) 3396 3000/3001/3002



# LAMPIRAN 3

(Laporan ringkas oleh ketua jabatan & laporan kaunseling)

**LAPORAN RINGKAS TAHAP KEMAMPUAN PEGAWAI MELAKSANAKAN TUGAS**

**NAMA PEGAWAI** :

**NO. KAD PENGENALAN** :

**JAWATAN** :

---

**A. PRESTASI PEGAWAI SEBELUM KEMALANGAN/ KECEDERAAN / SAKIT:**

**B. PRESTASI PENILAIAN TERKINI PEGAWAI :**

DISEDIAKAN OLEH:

.....  
NAMA KETUA JABATAN :  
JAWATAN :  
COP JABATAN :  
TARIKH :

**LAPORAN RINGKAS TAHAP KEMAMPUAN PEGAWAI MELAKSANAKAN TUGAS  
(PSIKIATRI)**

**NAMA PEGAWAI** :  
**NO. KAD PENGENALAN** :  
**JAWATAN** :

---

**A. KEMAJUAN KERJA TERKINI:**

**B. PRESTASI PEGAWAI :**

**C. SENARAI TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI:**

(Laporan dari Pegawai Atasan tentang pergaulan, kemampuan menjalankan tugas, prestasi pencapaian/tingkahlaku sebagaimana yang diketahui oleh Pegawai Atasan dan rakan-rakan setugas)

**D. KENYATAAN CUTI SAKIT:**

DISEDIAKAN OLEH:

.....  
NAMA KETUA JABATAN :  
JAWATAN :  
COP JABATAN :  
TARIKH :



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Hospital  
Al-Sultan Abdullah

**LAPORAN KAUNSELING**

**Nama Pegawai** :

**No. Kad Pengenalan** :

1. Latar Belakang
2. Ringkasan Kes
3. Cadangan

Disediakan oleh:

Disahkan oleh:

.....

( )

Pegawai Psikologi

Tarikh:

.....

( )

Ketua Jabatan

Tarikh:

**SULIT**



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Hospital  
Al-Sultan Abdullah

---

**Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi sekretariat Lembaga Perubatan  
Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM**

**Jabatan Maklumat Pesakit  
Aras 5, Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM  
42300 Puncak Alam Selangor**

**03-33963000 ext: 14814 atau 03-33963480  
medicalrecordhuitm@uitm.edu.my**